

# Musuh dalam selimut: Amaran Dr M

B.H. 22 MAY 1979

**JOHOR BAHRU, Isnin — Kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka yang menyeleweng membantu musuh, terutama komunis yang akan menghancurkan negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberi amaran di sini malam tadi.**

Timbalan Perdana Menteri berkata, terdapat orang-orang yang menikmati kekayaan negara ini tetapi secara senyap-senyap memberi pertolongan kepada musuh-musuh negara.

"Kerajaan menyedari berlakunya perkara ini," katanya ketika berucap di majlis jamuan yang diberikan oleh Kerajaan Johor di Saujana yang dihadiri kira-kira 1,000 orang.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, orang-orang ini pada zahirnya menunjukkan taat setia dan mengakui kebaikan negara ini, tetapi tidak berminat langsung menolong negara ini.

tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun di negara ini terdapat hampir 20 parti, kita bekerjasama membentuk Kerajaan campuran yang kuat.

"Kita juga mencapai kemerdekaan dengan kerjasama tiga parti terbesar."

"Barisan Nasional sekarang menjadi parti terbesar dan kuat, sanggup mengambil tindakan-tindakan memajukan negara."

"Kita mesti pelihara kekuatan ini," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kekuatan itu mesti dipelihara supaya kita dapat mengambil tindakan-tindakan tegas yang kadang-kadang tidak popular.

"Kadang-kadang kita terpaksa mengadakan undang-undang yang menyekat kebebasan setengah pihak, tetapi dilakukan demi kepentingan rakyat dan menjamin demokrasi," jelasnya.

"Mereka bekerjasama dengan pihak asing, komunis atau lainnya. Mereka berpendapat kononnya komunis boleh memberi nikmat yang lebih," katanya.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan, tindakan demikian akan hanya merosakkan diri mereka sendiri.

"Ianya akan menimbulkannya keadaan kurang aman dan kalau negara dalam keadaan begitu, mereka dan keluarga masing-masing akan turut merasa pedih dan pahitnya," tegas beliau.

Beliau kemudian menyebut beberapa negara yang diserang oleh jiran sendiri serta negara revolusi yang menjalakan hukuman bunuh dan tembak sebagai contoh negara yang tidak aman.

Beliau bangga penduduk berbilang kaum di negara ini boleh hidup aman membina negara supaya lebih maju.

Datuk Seri Dr. Mahathir mensifatkan ini sebagai satu kejayaan cemerlang yang kadangkala "kita lupakan" dan dilupakan oleh orang asing.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kejayaan ini dicapai kerana penduduknya matang dalam politik.

"Penduduk Malaysia sedar cara menggunakan demokrasi," katanya.

Menurut beliau, beberapa negara yang mengamalkan demokrasi

## Kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka

tidak dapat menggunakan sistem itu membangun negara sebaliknya mereka tersalah menggunakannya.

Ada negara, kata beliau, menubuhkan berpuluh parti politik hingga tidak ada yang bercorak nasional dan bila pilihanraya, tidak ada parti yang mempunyai cukup bilangan kerusi, sebaliknya semua jadi parti minoriti.

"Ini menyebabkan parti-parti itu saling tidak bersefahaman dan gagal membentuk kerajaan dan akhirnya datang kuasa asing membentuk kerajaan," katanya.

Beliau juga berkata ada negara hanya membentuk dua parti kerana dengan demikian konon rakyat dapat membuat pilihan salah satu dari parti itu.

"Tetapi bahayanya," jelas beliau, "kadangkala kedua parti sama kuat, bila satu dapat kemenangan lebih sedikit dari yang satu lagi, mereka jadi pemerintah yang tidak berani bertindak cara berkesan kerana takut hilang pengundi dan gagal dalam pilihanraya akan datang.

"Ini berlaku di beberapa negara barat di mana demokrasi berasal,"

Timbalan Perdana Menteri yakin kalau setiap rakyat sedar tentang perannya, Barisan Nasional akan menjadi sebuah parti yang akan kekal menjamin kemajuan negara ini.

Kaum-kaum di negara ini mestilah sedar bahawa melalui Barisan Nasional sahaja seseorang akan terpelihara dari tekanan mana-mana pihak, katanya.